

P.U.(A) 335/2010

AKTA PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN 2007

PERATURAN-PERATURAN PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN
(MEKANISME PENSTABILAN HARGA)(PINDAAN) 2010

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 98(4)(e), seksyen 180 dan subseksyen 188(5) Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [*Akta 671*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Mekanisme Penstabilan Harga) (Pindaan) 2010**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Oktober 2010.

Pindaan peraturan 2

2. Peraturan-Peraturan Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Mekanisme Penstabilan Harga) 2008 [*P.U. (A) 8/2008*], dipinda dalam peraturan 2, dalam takrif “sekuriti yang berkaitan”, dengan memotong perkataan “ekuiti”.

Dibuat 24 September 2010

[KK/BPKA/KI(S)/483/128/1/1;PN(PU²)662/IV];

DATO' SERI HAJI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH

Menteri Kewangan Kedua